


# Gotong-royong Melayu turut sumbang pada kemajuan nusa

Tanda pencapaian terlihat pada nilai seperti kemajuan diri dan semangat boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan kaum lain serta semangat kesatuan dan pandangan universal mengenai kemanusiaan



2 Nov 2014

Mohd Raman Daud

APA pula sumbangan orang Melayu pada kemajuan watan ini ketika sambutan kemerdekaan 50 tahun Singapura pada tahun depan (SG50)?

Lihatlah: hanya sebuah saja syarikat anak Melayu di bursa saham. Tidak nampak pun sebuah bangunan komersial milik penuh orang Melayu di sini. Golongan hartawannya pun tidak menonjol.

Tetapi, mantan menteri Generasi Perintis, Haji Othman Wok, yang baru menyambut ulang tahunnya yang ke-90 pada 8 Oktober lalu, sambil tersenyum di pejabatnya di Overseas Investment Pte Ltd di bangunan Concourse, berkata:

"Pencapaian kita pada nilai. Pertama, kemajuan diri sendiri. Boleh dikatakan kalangan masyarakat kita kini boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum-kaum lain. Semakin banyak profesional dan pekerja mahir Melayu.

"Kita sekarang lebih maju dari segi pendidikan, pekerjaan sehingga mendirikan institusi seperti Yayasan Mendaki yang menjadi ikutan kaum-kaum lain sehinggalah mendirikan masjid-masjid baru yang indah."

## **GOTONG-ROYONG**

Falsafah Haji Othman menjurus pada erti kebersamaan atau gotong-royong orang Melayu. Istilah Inggerisnya, collectivism.

Menurut budayawan besar Riau, Dr Tenas Effendy, 78 tahun, dalam adikaryanya, Tunjuk Ajar Melayu (2004):

"Orang tua-tua menegaskan bahawa rasa persatuan dan kesatuan, kegotong-royongan serta bertenggang rasa adalah inti keperibadian orang Melayu."

Tenggang rasa ialah 'sama merasa apa yang dilalui orang lain'. Istilah Inggerisnya yang terdekat ialah empathy (empati).

Sebagai penganut Islam, orang Melayu berpandangan universal mengenai kemanusiaan yang berasal daripada Nabi Adam as, sehingga dipantungkan:

*Ketuku batang ketakal,*

*duanya batang keladi muyang;*

*kita sesuku dengan seasal,*

*kita senenek serta semoyang.*

Triciri (tiga ciri) tadi, antara lain, terpapar dalam ungkapan berikut:

*Adat hidup berkaum bangsa,*

*tolong-menolong rasa-merasa.*

Menurut Dr Tenas dan bahkan Pendeta Dr Muhd Ariff Ahmad, rantau induk Melayu Asia Tenggara memang menampung rumpun Melayu, tetapi boleh menerima kehadiran kaum-kaum lain dari India dan China kerana adanya rasa tolong-menolong tadi.

Yang berbeza hanyalah kedatangan tadi bersifat serangan dan penguasaan seperti berlaku dalam zaman penjajahan Eropah (Portugis, Sepanyol, Belanda, Inggeris dan Perancis) selama lebih 300 tahun di rantau ini.

Selanjutnya Pak Tenas menurunkan ungkapan berikut yang cukup persis dengan suasana Melayu di Singapura:

*Adat Melayu hidup terbilang*

*sesama makhluk berkasih sayang*

*rasa-merasa tenggang-menenggang*

*taat setia sakit dan senang*

*dalam sakit jelang-menjelang*

*dalam senang kenang-mengenang*

*dalam sempit sama berlapang*

*dalam susah sama melenggang*

*dalam bergaul pandang-memandang.*

## **LEMBAGA MASYARAKAT**

Berbeza daripada masyarakat Melayu yang lain di Nusantara, masyarakat Melayu Singapura bersifat bandar atau kosmopolitan.

Namun, gotong-royong Melayu cukup hebat sehingga hampir di serata Singapura terdapat kumpulan khairat, koperatif atau syarikat jimat-cermat, badan seni dan persuratan dan sebagainya. Semua ini boleh disusuri seawal 1920-an.

Hal ini antara lain yang mendorong mantan Anggota Parlimen, Haji Wan Hussin Zohri, mengetuai sebuah jawatankuasa pembukuan sejarah gotong-royong lewat penubuhan lembaga (institusi) masyarakat, atau cakap mudah, persatuan Melayu sempena SG50.

Antara persatuan Melayu yang tertua ialah Persatuan Jawa AlMasakin (didaftarkan secara rasmi pada 17 September 1904). Tetapi ia dikatakan sudah wujud dalam akhir abad ke-19. Umumnya, ia bersifat persatuan yang menguruskan kedatangan perantau Jawa ke sini untuk bekerja dan akhirnya menetap di sini.

Selain itu, wujud Persatuan Bawean Singapura, Persatuan Minang dan sebagainya. Tetapi trend ini bukan menunjukkan kesukuan melulu.

### **KESATUAN MELAYU**

Penubuhan Kesatuan Melayu Singapura (KMS) menjadi payungan semua suku kaum Melayu pada 1920-an.

KMS pimpinan Mohd Eunus Abdullah yang diasaskan pada 1926 memancarkan usaha persatuan dan kesatuan. KMS tidak dinilai bersifat chauvinis atau kekauman. Ini kerana Mohd Eunus, wakil Melayu pertama dalam Dewan Perundangan Singapura yang ketika itu dijajah British, akrab dengan semua pemimpin kaum.

KMS dianggap badan separa politik Melayu yang pertama di Dunia Melayu, menurut Profesor William R. Rolf dalam bukunya, *The Origin of Malay Nationalism* (1967), tetapi memainkan peranan penting dalam membina keperibadian orang Melayu yang maju dan boleh bersama arus perdana.

Selanjutnya, pendakwah terbilang, Maulana Abdul Aleem Siddique (1892-1954), yang berasal dari India mengasaskan bukan sahaja Jamiyah (1932), malah Pertubuhan Antara Agama (1949) yang kededuanya masih aktif sehingga kini.

Sebabnya, beliau berasa betah di sini tetapi bimbang tentang suasana berbilang kaum yang mungkin rosak oleh tekanan politik, terutama golongan ekstremis. Maka, dua institusi itu, selain tindakan pihak berkuasa, diharap dapat membolehkan keamanan dipelihara.

Menurut wartawan veteran, Abdul Samad Ismail (1924-2008), rumpun Melayu di Singapura beruntung kerana menikmati tiga ombak perubahan - kesedaran siasah Mohd Eunus Abdullah, kesedaran persuratan oleh kehadiran para tokoh sehingga memuncak pada penubuhan Angkatan Sasterawan '50, dan gerakan Islam yang progresif.

### **GERAKAN MERDEKA**

Peranan gotong-royong Melayu penting dalam gerakan merdeka sehingga Singapura boleh berada dalam Persekutuan Malaysia selama tiga tahun (1963-65).

Namun, apabila Singapura dikeluarkan daripada Malaysia, kekuatan gotong-royong dalam kesetiaan tadi begitu teruji - hanya segelintir orang Melayu di sini yang sanggup berhijrah ke luar.

Kampung Singapura di Sedili, Johor, yang ditawarkan kerajaan Malaysia ternyata mendapat sambutan dingin.

Demi menaikkan taraf pendidikan, lebih 100 badan Melayu menubuhkan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM) pada 1965.

Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu (MP) yang merupakan gagasan Setiausaha Parlimen Haji Shaari Tadin (1932-2009) juga telah ditubuhkan oleh lebih 100 badan Melayu pada 1969.

Lewat seminar MP yang menampilkan pemakalah bukan Melayu seperti GG Thomson dan S. Vasoo pada 1971, ia telah mengetengahkan soal kepincangan Melayu sebagai isu nasional.

Walaupun tidak mendapat sokongan dana pemerintah, MP telah berbakti dalam mewujudkan kesedaran kebudayaan, pendidikan dan agama.

Pada 1981, gotong-royong Melayu terpapar pada Kongres Pendidikan Anak Islam (Mendaki).

Pada 1982, tertubuhlah Yayasan Mendaki yang jejaknya telah diikuti oleh kaum-kaum Cina, India dan Serani dengan menubuhkan lembaga yang serupa untuk membela pendidikan anak daripada keluarga susah.

Dari segi agama, gotong-royong juga mendorong penubuhan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) pada 1968 - sebuah badan berkanun. Memandangkan banyak masjid terjejas oleh pembangunan semula bandar, Muis berdepan dengan masalah besar untuk membina masjid baru.

Sekali lagi gotong-royong telah membolehkan derma umat Islam didanakan lewat Tabung Simpanan Pekerja (CPF). Bahkan sehingga kini, mekanisme ini, Dana Pembinaan Masjid dan Mendaki (MBMF) dimanfaatkan untuk membiayai pelbagai program pendidikan dan pendampingan sosial Mendaki dan Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Melihat bertambahnya deretan anak Melayu dengan ijazah sarjana muda kelas pertama sejak sedekad lalu, kesedaran tentang akhlak mulia dan ilmu telah dapat dijana lewat gotong-royong kita yang kian kental.

Malah, setiap kali ada usaha di peringkat akar umbi seperti kelab masyarakat untuk membersihkan pantai sehingga menyantuni keluarga susah di flat sewa, istilah 'gotong-royong' turut disebut.

Inilah sumbangan kita, kaum paling sederhana, yang cukup ketara untuk watan ini.